

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 FEBUARI 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

Belanjawan 2022, RMKe-12 tangani isu berstruktur

Kuala Lumpur: Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Belanjawan 2022 akan dirangka bagi menangani isu berstruktur yang tidak dapat diselesaikan dalam waktu yang singkat.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kerajaan mula menyediakan idea untuk Belanjawan 2022 walaupun Belanjawan 2021 baru dilancarkan.

"Kami sedar isu struktur tidak boleh diselesaikan sekelip mata, ia memerlukan pemikiran yang lebih mendalam, pertimbangan dan perancangan jangka panjang. Di sinilah RMKe-12 dan Belanjawan 2022 terabit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab yang dikendalikan Pergerusi Bursa Malaysia Bhd, Tan Sri Abdul Wahid Omar pada Forum Bursa Malaysia bertemakan 'Menang Bersama: Rebuilding Malaysia's Economy Together' yang disiarkan menerusi Facebook Bursa Malaysia.

Tengku Zafrul berkata, antara isu yang akan ditangani adalah memperkukuhkan dasar modal insan bagi memastikan bakat kalis masa depan sama dalam sektor awam dan swasta, selain peralihan kepada negara berpendapatan tinggi atau perubahan minda dan struktur dalam industri, yang memerlukan pembangunan kapasiti.

Beliau berkata, Malaysia juga perlu melihat semula secara holistik kepada ekonomi dari sudut Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi memastikan Wawasan Kemakmuran Bersama tercapai.

Katanya, Belanjawan 2021 adalah belanjawan pertama sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sementara itu, RMKe-12, katanya akan menyediakan rangka kerja lebih holistik ke arah pertumbuhan mampan, memperkukuhkan keseluruhan sosioekonomi serta kelestarian alam sekitar lebih baik.

Jelasnya, COVID-19 di seluruh negara dan banjir baru-baru ini sudah menekankan keperluan untuk membangunkan ekonomi lebih berdaya tahan bagi jangka panjang dan ia memerlukan pelaburan infrastruktur serta enjin pertumbuhan terkini dan mampan.

"Untuk itu, Kementerian Kewangan mula mengkaji semula peranan dan mandat syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Mungkin GLC juga perlu mempunyai indeks prestasi utama (KPI) berkaitan SDG, selain KPI kuantitatif mereka," katanya.

Tengku Zafrul berkata, Wawasan Kemakmuran Bersama Malaysia pula akan dimanfaatkan oleh seluruh ekonomi termasuk sektor swasta.

Justeru, tegasnya, perlu ada keputusan dasar yang sesuai terhadap masalah sosioekonomi seperti meningkatkan kualiti sistem pendidikan bagi vokasional dan akademik yang seharusnya selari dengan dasar negara mengenai industri atau sektor galakan, selain perlu sesuai dengan dasar dalam mempelbagaikan ekonomi.

"Langkah selanjutnya ialah mengukuhkan asas pendapatan menerusi pelbagai strategi, bermula dengan mengawal selia ekonomi bayangan yang diunjurkan kira-kira 18 peratus daripada Keuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau kira-kira RM300 bilion pada 2019," katanya.



Kerajaan akan meningkatkan kualiti sistem pendidikan bagi vokasional dan akademik selari dengan dasar negara. (Foto bebas)